

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA

TARIKH:

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramai orang yang telah diberhentikan dari pekerjaan mereka dari tahun 2013, 2014, 2015 dan suku 1 tahun 2016. Senaraikan mengikut sektor.

PR-1342-T75431

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

1. Tindakan pemberhentian pekerja adalah kesan dari ketidakstabilan pasaran ekonomi nasional dan global yang didorong oleh didorong pengukuhan matawang Dollar Amerika Syarikat menyusutkan nilai Ringgit Malaysia (RM) telah mempengaruhi keseimbangan pasaran tenaga kerja negara. Kejatuhan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan, pemaksimaan teknologi maklumat dan komunikasi memfokuskan kepada aktiviti utama serta penjualan anak syarikat yang tidak menghasilkan keuntungan menyebabkan berlakunya pengeciran tenaga kerja atau pengurangan jumlah pekerja. Kejatuhan harga minyak mentah dipasaran global juga turut menyumbang kepada berlakunya pemberhentian pekerja bagi syarikat-syarikat yang berkait dengan oil & gas. Pemberhentian yang telah dilaksanakan samada pemberhentian pekerja biasa (retrenchment) atau pemberhentian pekerja secara sukarela (VSS).
2. Untuk makluman Dewan yang mulia, bilangan pekerja yang dihentikan mengikut sektor dari tahun 2013 hingga bulan Mac 2016 adalah merupakan pemberhentian yang melibatkan pemberhentian biasa dan juga VSS seperti di Jadual dibawah. Berdasarkan Jadual, antara sektor-sektor yang terlibat adalah pertanian, perhutanan, pembinaan, professional, saintifik dan teknikal, perlombongan serta kewangan dan insuran. Justeru, secara purata bulanan kes

pemberhentian kerja bagi sektor-sektor yang terlibat bagi tahun 2016 berjumlah 2,178 adalah lebih baik jika dibandingkan pada tahun 2015 yang merekodkan purata bulanan kes pemberhentian kerja pelbagai sektor berjumlah sebanyak 3,208 kes.

#### Pemberhentian mengikut Sektor Dari Tahun 2013-2016(sehingga Mac)

(Mengikut Sektor)				
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	0	6	47	0
Kesenian, hiburan dan rekreasi	0	20	81	7
Aktiviti kesihatan, kemanusian dan kerja sosial	15	106	5	7
Bekalan air, pembentangan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	0	61	88	2
Aktiviti hartanah	36	94	111	4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	217	90	235	16
Pendidikan	300	207	124	32
**Tidak diklasifikasikan	451	501	0	0
Aktiviti perkhidmatan lain	596	206	220	18
Pengangkutan dan penyimpanan	250	290	668	8
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	343	1,345	399	31
Maklumat dan komunikasi	410	861	815	33
Pembinaan	663	812	521	155
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	1,029	445	1,293	9
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,305	426	1,070	14
Aktiviti profesional , saintifik dan teknikal	355	673	1,775	64
Perlombongan dan Pengkuarian	68	810	2,255	395
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	734	1,456	1,961	184
Aktiviti kewangan dan insuran / takaful	462	122	17,628	5,118
Pembuatan	25,852	17,386	9,203	437
<b>JUMLAH</b>	<b>33,086</b>	<b>25,917</b>	<b>38,499</b>	<b>6,534</b>
<b>Purata Bulanan Pemberhentian</b>	<b>2,757</b>	<b>2,159</b>	<b>3,208</b>	<b>2,178</b>

\*\* Sektor yang tidak dinyatakan dalam Malaysia

*Standard Classification of Occupation.*

Sumber : Labour Market Database, JTK

3.. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengambil tindakan yang drastik berhubung isu pemberhentian pekerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK), JTKSM, Putrajaya. Pusat Operasi di peringkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak dan kebijakan pekerja sentiasa terjamin dan tidak diabaikan.